

Visi: Komuniti murid yang dapat berkomunikasi secara efektif dan terlibat secara aktif dalam pembelajaran serta mempunyai minat dalam bahasa dan budaya Melayu

Misi: Mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik bagi mendorong murid berdikari, memupuk rasa cinta terhadap bahasa dan budaya Melayu dan menyediakan ruang agar murid dapat berkomunikasi secara efektif menggunakan Bahasa Melayu baku.

DARJAH 3

Objektif Pembelajaran Bahasa Melayu

Pada akhir pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah, murid dapat:

- mendengar dan memahami teks pertuturan dengan teliti dalam situasi formal dan tidak formal dan memberikan tindak balas atau respons yang wajar
- bertutur dengan petah menggunakan sebutan baku dan intonasi yang betul berdasarkan konteks yang berkaitan dengan diri dan sekitarnya
- membaca pelbagai bahan bercetak dan bahan media elektronik dan digital dengan menggunakan teknik membaca yang sesuai dan berkesan untuk memperoleh maklumat, idea dan pengetahuan serta memberikan respons yang sesuai
- menulis pelbagai jenis teks berdasarkan pelbagai tajuk dan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi
- berinteraksi secara lisan dengan menggunakan sebutan baku, intonasi dan jeda yang betul dan berkesan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan diri dan sekitarnya
- berinteraksi secara bertulis mengenai pelbagai tajuk yang sesuai berdasarkan tujuan, khalayak dan situasi
- berfikir secara kritis dan kreatif untuk menguasai, meneroka, mereka cipta, menyelesaikan masalah, mencapai persetujuan bersama dan membuat keputusan melalui penggunaan bahasa
- mengenali dan memahami budaya dan nilai-nilai murni masyarakat Melayu serta budaya dan nilai-nilai murni negara dan kaum lain
- memupuk minat membaca dan menjadikannya amalan ke arah membina budaya belajar sepanjang hayat

Jadual Pengkhususan

KERTAS	KOMPONEN	JENIS ITEM	BILANGAN ITEM	TIMBANGAN (MARKAH)
1 Karangan (40 min)	Karangan Berdasarkan Gambar (Tidak kurang daripada 60 patah perkataan)	OE	1	15% (15)
2 Penggunaan Bahasa & Kefahaman (1 jam)	Imbuhan	MCQ	5	10 (10%)
	Peribahasa	FIB	4	8 (8%)
	Melengkapkan Teks	FIB	5	10 (10%)
	Kefahaman 1	MCQ	4	8 (8%)
	Kefahaman 2	OE	5	9 (9%)
3 Kefahaman Mendengar (lebih kurang 20 minit)	Pemadanan Gambar	MCQ	4	4 (4%)
	Kefahaman Mendengar Berdasarkan Teks	MCQ	6	6 (6%)
4 Lisan (lebih kurang 10 minit)	Bacaan lantang	Respons Lisan	1	10 (10%)
	Penerangan Berdasarkan Gambar		1	10 (10%)
	Perbualan Berkaitan dengan Gambar		1	10 (10%)

Penerangan Komponen

Lisan

- **Bacaan**

- Murid dikehendaki membaca dengan lantang petikan yang diberikan dengan menggunakan sebutan baku.

Contoh teks bacaan

Farid memegang pipinya. Giginya terasa amat sakit. Dia berasa menyesal kerana tidak mengendahkan nasihat ibunya malam semalam.

“Farid, sudahlah. Jangan makan terlalu banyak gula-gula. Nanti gigi kamu akan rosak,” Ieter ibu Farid, Puan Rohana.

Farid tidak pedulikan Ieteran ibunya. Dia masih terus makan gula-gula yang disediakan semasa majlis hari jadi adiknya. Ibunya hanya menggelengkan kepalanya melihat kelakuan Farid.

“Aduh! Sakitnya! Ibu, ibu tolong Farid!” jerit Farid dari biliknya.

Puan Rohana segera ke bilik Farid. Dia melihat Farid sedang menangis. Tanpa berlengah, dia membawa Farid ke klinik gigi.

Senarai semak

Bacaan	
Sebutan sentiasa baik dan jelas; bacaan amat lancar, jeda dan rentak sesuai, tidak teragak-agak; variasi nada sesuai	
Sebutan jelas tetapi terdapat sedikit kesilapan; bacaan lancar, jeda dan rentak sesuai, hampir tidak teragak-agak; variasi nada pada umumnya sesuai	
Pada umumnya sebutan jelas tetapi banyak kesilapan; pada umumnya bacaan agak lancar, jeda dan rentak sesuai tetapi teragak-agak sedikit; variasi nada memuaskan	
Sebutan agak sukar difahami dan banyak kesilapan; bacaan tersekat-sekat; sedikit variasi nada	
Sebutan tidak jelas dan kebanyakan perkataan disalah sebut; bacaan teragak-agak; tidak terdapat variasi nada	

Teknik bagi membantu anak anda dalam bacaan lisan

- latih membaca dengan lantang setiap hari
- rakam bacaan anak anda menggunakan telefon bimbit agar dia dapat mendengar semula bacaannya dan boleh mengenalpasti kelemahannya sendiri
- pastikan anak anda membaca dalam sebutan baku dan menggunakan intonasi yang betul

Penerangan Berdasarkan Gambar

Murid dikehendaki menerangkan beberapa perkara yang terdapat dalam gambar dan memberikan respons peribadinya terhadap beberapa perkara yang terdapat dalam gambar tersebut.

Senarai semak

Penerangan Berdasarkan Gambar (10 markah)	
Penerangan padat dan amat jelas; amat yakin; mengembangkan idea dengan baik; membuat interpretasi dengan baik	
Penerangan agak padat dan jelas; yakin; mengembangkan idea; membuat interpretasi	
Penerangan mencukupi dan kurang jelas; mengembangkan idea apabila dirangsang; membuat sedikit interpretasi apabila dirangsang	
Penerangan agak tidak mencukupi; mengembangkan idea hanya setelah dirangsang beberapa kali; membuat interpretasi hanya setelah dirangsang beberapa kali	
Penerangan tidak mencukupi; tidak mengembangkan idea meskipun setelah beberapa kali dirangsang; tidak membuat interpretasi meskipun setelah beberapa kali dirangsang	

Penerangan berdasarkan Gambar

Yang berikut merupakan panduan yang boleh digunakan untuk membantu anak anda menerangkan gambar.

- Mulakan penerangan dengan menggunakan ayat-ayat berikut:
 1. Gambar ini menunjukkan di ... (latar tempat tersebut).
 2. Di sana terdapat ramai orang.
 3. Mereka sedang melakukan pelbagai aktiviti.
- Gunakan perkataan / frasa berikut untuk menerangkan aktiviti-aktiviti yang hendak diterangkan
 - berdekatan dengan ...
 - bersebelahan ...
 - berhampiran ...
 - tidak jauh dari ...
 - beberapa langkah dari ...
 - di hadapan ...
 - di belakang ...
- Semasa menerangkan aktiviti yang dilihat, pilih sekurang-kurangnya 3 aktiviti yang menarik perhatian dan berikan pendapat secara mendalam.
 - Perbuatan (orang yang dimaksudkan) itu salah / betul kerana ...

Jika perbuatan dia salah, gunakan ayat-ayat berikut:

- Dia tidak boleh bersikap begitu kerana ...
- Sepatutnya, dia ... / Dia sepatutnya....
- Perbuatannya itu akan mengakibatkan ...

Jika perbuatan dia betul / baik, gunakan ayat-ayat berikut:

- Perbuatannya patut dicontohi kerana ...
- Jika dia ahli keluarga saya, saya akan berasa bangga terhadapnya kerana ...

• Setelah menceritakan semua aktiviti yang dilihat, gunakan ayat-ayat berikut:

- Jika saya berada di situasi sebegini, saya akan menasihatkan ... (jangan diulang apa yang telah dikatakan semasa memberikan pendapat)
- Itu sahaja penerangan saya Cikgu. Terima kasih

Contoh Penerangan berdasarkan Gambar

Guru akan mengajukan soalan kepada murid.

Contoh soalan: *Terangkan perkara-perkara yang kamu lihat di dalam gambar ini dan berikan pendapat kamu mengenai perkara-perkara tersebut.*

Pilih satu aktiviti yang akan diterangkan dahulu. Kemudian bergerak mengikut putaran.

Frasa / Perkataan yang telah digelapkan boleh digunakan untuk memulakan ayat bagi menerangkan perkara-perkara yang dilihat.

Contoh: *tidak jauh dari situ, di belakangnya*

Setelah murid selesai menerangkan semua aktiviti, gunakan ayat ini sebagai penutup.

Gambar ini menunjukkan di kantin sekolah. Terdapat ramai murid di sini. Mereka sedang melakukan pelbagai aktiviti.

Di sini, terdapat seorang budak perempuan yang sedang memulangkan pinggan dan cawan yang telah digunakan ke tempat yang disediakan. Perbuatannya betul kerana dia bertanggungjawab dan dapat membantu menjaga kebersihan kantin itu.

Tidak jauh dari situ, terdapat seorang budak lelaki yang terlanggar seorang budak perempuan yang sedang mengangkat makanan. Makanan itu tertumpah ke lantai. Pada pendapat saya, perbuatan budak lelaki itu salah dan tidak harus dicontohi. Dia tidak sepatutnya berlari di kantin kerana perbuatan itu merbahaya. Jika saya berada di sana, saya akan menasihatinya agar jangan buat begitu lagi.

Berhampiran dengan mereka, ada seorang budak perempuan yang tidak mematikan air setelah membasuh tangan. Budak lelaki di sebelahnya memanggilnya lalu menunjuk ke arah poster yang mengingatkan orang ramai agar jangan membazir air. Pada pendapat saya, perbuatan budak lelaki itu baik dan patut dicontohi. Mungkin budak perempuan itu tidak sengaja membuat perkara itu dan budak lelaki itu telah membantu untuk mengingatkannya.

Beberapa langkah dari situ, terdapat sekumpulan murid yang sedang duduk sambil makan makanan yang telah dibeli. Pada pendapat saya, perbuatan mereka betul dan boleh dicontohi.

Itu sahaja penerangan saya. Terima kasih, Cikgu.

Mulakan dengan tiga ayat ini.

Contoh pendapat yang harus diberikan murid.

Teknik bagi membantu anak anda dalam penerangan berdasarkan gambar

- senaraikan perkara-perkara yang dilihat dalam gambar dalam bentuk Medan Kata
- perkataan boleh disenaraikan mengikut Golongan Kata; Frasa Nama / Frasa Kerja
- kerapkan latihan di rumah agar anak anda terbiasa dengan cara untuk menerangkan gambar

Contoh Medan Kata

Kata / Frasa Nama	Kata / Frasa Kerja
kantin	Terlanggar kawannya
singki	memulangkan cawan
murid	berlari dengan pantas
gerai	berbual sambil makan

Perbualan Berkaitan dengan Gambar

Murid dikehendaki berbual dengan pemeriksa mengenai topik yang berkaitan dengan gambar yang diberikan dalam Penerangan Berdasarkan Gambar.

Senarai semak

Perbualan Berkaitan Dengan Gambar	
mampu memberikan respons yang padat; perkembangan yang mencukupi; penyampaian amat jelas dan yakin	
mampu memberikan respons yang padat; sedikit perkembangan; penyampaian jelas dan yakin	
mampu memberikan respons yang mencukupi; sedikit perkembangan; penyampaian pada umumnya jelas; menggunakan pernyataan mudah	
mampu memberikan sedikit respons tanpa perkembangan; penyampaian teragak-agak	
hampir tiada respons; tidak mampu bertutur dengan jelas	

Perbualan Berkaitan dengan Gambar

Yang berikut merupakan panduan yang boleh digunakan untuk membantu anak anda mengaitkan pengalaman peribadi mereka dalam bahagian perbualan.

- 1) bila
- 2) di mana
- 3) dengan siapa
- 4) mengapa
- 5) apakah yang kamu lihat
(Cuba ceritakan 1 peristiwa / insiden yang kamu saksikan)
- 6) apakah yang kamu lakukan
- 7) perasaan kamu / orang di sekeliling
- 8) pengajaran yang dipelajari

Contoh soalan:

Ceritakan pengalaman kamu menolong seseorang.

Contoh jawapan:

Mulakan dengan bila,
di mana

Pada minggu lepas, semasa saya sedang berlari-lari anak di taman, saya ternampak seorang warga emas berjalan-jalan di taman itu. Tiba-tiba, warga emas itu terpijak kulit pisang lalu terjatuh. Saya berasa kasihan melihat warga emas itu lalu menolongnya.

Saya memimpinnya ke kolong blok. Kaki warga emas itu bengkak. Dia meminta saya menghantarnya ke rumah supaya anaknya boleh membawanya ke klinik. Warga emas itu tinggal di sebelah blok saya. Sampai sahaja di rumah warga emas itu, saya pun memberitahu anaknya apa yang telah terjadi. Selepas warga emas dan anaknya mengucapkan terima kasih, saya pun pulang.

Ayat terakhir boleh dikaitkan dengan perasaan.

Apabila saya pulang ke rumah, saya memberitahu ibu dan ayah saya apa yang terjadi. Mereka memuji saya dan berasa amat bangga dengan perbuatan saya. Saya juga berasa amat gembira kerana dapat menolong orang lain.

Kembangkan bahagian apa yang dilakukan.

Karangan

Murid dikehendaki menulis karangan yang mengandungi sekurang-kurangnya 60 patah perkataan berdasarkan gambar bersiri yang diberikan.

Mulakan dengan Gambar 0.

Apa yang terjadi sebelum Gambar 1?

Perkenalkan watak cerita

Loceng sekolah berdering menandakan sudah tamat waktu sekolah. Ali menunggu adiknya, Ahmad, di luar pagar sekolah untuk pulang bersama-sama. Setelah beberapa minit, Ahmad pun tiba. Tanpa berlengah, mereka pun berjalan pulang.

Tiba di rumah, Ali dan Ahmad pun segera mandi dan menyalin pakaian. Mereka ke dapur untuk makan tengah hari tetapi ibu mereka, Puan Tijah belum selesai memasak. Ali dan Ahmad berasa bosan. Mereka meminta izin untuk bermain bola. Ibu mereka pun mengizinkan mereka bermain di bawah.

Ali dan Ahmad pergi ke padang. Tiba-tiba, cuaca berubah menjadi mendung. Mereka tidak dapat bermain di padang itu. Ahmad mengajak Ali bermain di bilik adik mereka, Aini, kerana bilik itu agak luas. Di bilik, Aini sedang tidur. Ali dan Ahmad tidak mengendahkan Aini lalu terus bermain.

Ali dan Ahmad berasa amat seronok bermain bola. Mereka bersorak apabila dapat menjaringkan gol. Semasa sedang bermain, Ali menendang bola tersebut dengan kuat hingga ke siling. Bola itu tercampak dan terkena muka Aini.

“Aduh, sakitnya!” jerit Aini.

Muka Aini terasa amat sakit. Dia berlari ke dapur mencari ibunya sambil menangis teresak-esak. Ali dan Ahmad mula berasa panik apabila terdengar nama mereka dipanggil. Puan Tijah berasa amat geram dengan perbuatan Ali dan Ahmad lalu memarahi mereka.

Setiap dialog perlu ditulis dalam perenggan yang baru

Gambar 5 – Penutup;
perasaan watak

Ali dan Ahmad berasa menyesal dengan perbuatan mereka. Mereka meminta maaf kepada Aini dan Puan Tijah. Mereka berjanji tidak akan mengulangi perbuatan itu lagi.

Senarai semak

Isi	
Isi padat dan dikembangkan dengan menarik.	
Isi dikembangkan lebih dari apa yang tertera di dalam gambar dengan agak menarik.	
Isi hanya berpandukan pada apa yang tertera di dalam gambar.	
Isi terlalu kurang dari apa yang tertera di dalam gambar. Sukar untuk faham isi cerita.	
Isi hampir tiada kerana sukar mengikuti perkembangannya.	

Bahasa dan Organisasi

<ul style="list-style-type: none"> • Hampir tiada kesilapan tatabahasa, ejaan dan tanda baca • Banyak menggunakan ayat-ayat majmuk • Pemilihan perkataan amat sesuai 	
<ul style="list-style-type: none"> • Beberapa kesilapan tatabahasa, ejaan dan tanda baca • Terdapat ayat-ayat majmuk • Kebanyakan perkataan yang digunakan sesuai 	
<ul style="list-style-type: none"> • Kesilapan tatabahasa, ejaan dan tanda baca agak meluas • Hampir keseluruhan ayat yang digunakan merupakan ayat tunggal • Pemilihan perkataan kurang sesuai 	
<ul style="list-style-type: none"> • Banyak kesilapan tatabahasa, ejaan dan tanda baca • Hanya sedikit ayat-ayat yang gramatis 	
<ul style="list-style-type: none"> • Banyak kesilapan tatabahasa, ejaan dan tanda baca yang ketara • Hampir tiada ayat yang gramatis 	

Teknik bagi membantu anak anda dalam Karangan

Fahami kehendak soalan.

Gunakan 5 minit pertama untuk:

- Memikirkan cara untuk memulakan karangan, Gambar 0; perkenalkan watak / dialog
- Rancang apa yang akan ditulis Gambar 0 (apa yang terjadi sebelum Gambar 1)
- Penutup yang sesuai untuk Gambar 5 (masukkan perasaan / pengajaran yang dipelajari watak)

5 minit terakhir, murid harus:

- Baca semula karangan yang telah ditulis

Kesilapan yang lazim dibuat murid:

- Tetapkan penggunaan kata ganti nama diri orang pertama.

Contoh: Penggunaan aku atau saya. Jika murid mahu gunakan aku, perkataan itu harus digunakan secara konsisten dalam cerita

- Panggilan ibu / emak / ayah / bapa. Kalau digunakan ibu dari pengenalan karangan, hingga akhir perlu dikekalkan sebagai ibu.
- Jangan gunakan singkatan seperti 'tak' atau 'nak' dalam ayat. Sebaliknya, murid harus mengeja perkataan yang tepat iaitu 'tidak' atau 'hendak'.
- Baca karangan contoh yang diberikan guru
- Baca buku cerita pelbagai genre bagi meluaskan pengetahuan dan agar murid mendapat idea yang lebih menarik tentang cara penulisan

Teknik bagi membantu anak anda dalam Kertas Bahasa

1) Imbuhan

- Murid perlu membaca dan memahami konteks petikan tersebut sebelum menjawab soalan.
- Jangan hanya membaca ayat yang mengandungi soalan sahaja lalu terus menjawab.
- Setelah menjawab kesemua soalan imbuhan, baca semula petikan dengan jawapan-jawapan yang telah dipilih.

2) Peribahasa

- Baca dan fahamkan makna setiap peribahasa yang diberikan dalam senarai peribahasa.
- Teliti pendaya-pendaya yang diberikan dan cari makna atau peribahasa yang tepat.

3) Kefahaman 1

- Baca dengan teliti isi cerita dan maklumat yang hendak disampaikan.
- Kenal pasti idea utama setiap perenggan.
Apakah maklumat yang hendak disampaikan dalam perenggan tersebut?
- Baca soalan dengan teliti dan fahami kehendak soalan sebelum menjawab.

4) Melengkapkan Teks

- Fahami konteks petikan yang diberikan.
- Pilih jawapan yang paling sesuai dalam konteks petikan tersebut. Jangan hanya membaca ayat yang mengandungi soalan sahaja.
- Setelah selesai menjawab kesemua soalan, baca sekali lagi dengan jawapan-jawapan yang telah ditulis bagi memastikan jawapan yang dipilih tepat.

5) Kefahaman 2

- Baca petikan dan soalan dengan teliti.
- Kenal pasti idea utama setiap perenggan yang dibaca.
- Fahami kehendak soalan.
- Jawab soalan menggunakan ayat sendiri yang lengkap dan jawapan perlu menepati kehendak soalan.

Lelaman web yang menggalakkan penggunaan bahasa dan budaya Melayu

1) <http://www.mllpc.sg>

Laman web yang memberitahu tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu. Terdapat juga permainan interaktif yang menarik untuk murid sekolah rendah.

2) www.nlb.gov.sg/golibrary

Laman web perpustakaan kebangsaan. Terdapat banyak buku bacaan elektronik yang boleh didapati di dalam lelaman ini.

3) <http://prpm.dpb.gov.my>

Kamus dalam talian

Kesimpulan

Buku panduan untuk darjah 3 ini diharapkan dapat digunakan oleh ibu bapa sebagai panduan untuk membantu anak-anak di rumah. Dengan adanya buku panduan ini diharapkan ibu bapa dapat membimbing anak-anak dengan lebih berkesan untuk pelajaran Bahasa Melayu.